

BAB TIGA:

**PENGGUNAAN
KESUSASTERAAN ARAB
(SYAIR) DALAM
PENGAJARAN BAHASA ARAB**

BAB TIGA

PENGGUNAAN KESUSASTERAAN ARAB (SYAIR) DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

3.1 Pendahuluan

Dalam Bab Kedua, pengkaji telah menjelaskan tentang terminologi sastera atau “al-adab” sebagai sebuah perkataan yang dinamis. Perubahan maknanya berlaku mengikut peredaran zaman. Ini dibuktikan dengan makna perkataan tersebut, pada zaman Jāhiliyyah, hanya tertumpu kepada ajakan untuk menjamah makanan.

Dengan kedatangan Islam, konteks makna perkataan “al-adab” telah diluaskan skop penggunaannya sehingga merangkumi ajakan kepada kemurnian akhlak dan memurnikan akhlak itu sendiri. Ia berterusan berkembang pada zaman Umawiyah dan Abbasiyah sehingga ia menjadi sebuah terminologi.

Terminologi tersebut merujuk kepada sejumlah kesatuan atau untaian ujaran perkataan yang indah dan menarik atau penulisan mahupun pemikiran dalam sesuatu bahasa yang mencapai taraf ketinggian tetapi pada masa yang sama ia membawa makna dan maksud yang mendalam dan membekas ke dalam pendengaran dan jiwa pendengar.

3.2 Bahasa dan Pembelajaran Bahasa

Menurut Robert Lado (1964 : 3), kita sedang menyaksikan perubahan-perubahan terbesar dalam sejarah pembelajaran bahasa, iaitu perubahan yang menyentuh setiap

aspek bidang kajian yang dikenali zaman ini. Dahulu, bahasa hanya dikaji oleh segolongan kecil manusia sebagai tanda orang terpelajar tetapi sekarang ia dipelajari oleh semua golongan masyarakat.

Kaedah pembelajaran juga berubah secara radikal. Apa yang menjadi matlamat terdahulu, yang pada biasanya terhad pada lingkungan beberapa bahan sastera yang terpilih telah meluas mencakupi perhubungan lisan serta memahami pertuturan anak negeri dalam bidang yang luas mengenai kepentingan manusia.

Dalam menjelaskan perubahan yang besar ini, kita dapati ada 4 kuasa yang bertanggungjawab iaitu kemajuan pesat sains linguistik, teknik mengajar yang baru, penciptaan dan pengeluaran alat perakam dan alat video dan minat yang luar biasa dalam mempelajari bahasa asing.

Menurut beliau lagi (1964 : 51), pembelajaran bahasa kedua didefinisikan sebagai mendapat kebolehan memakai struktur bahasa itu di dalam perkembangan kata umum, hendaknya di bawah syarat perhubungan yang normal di kalangan penutur bahasa ibu dalam kadar perbualan biasa.

3.3 Bahasa dan Kebudayaan

Menurut Robert Lado (1964 : 32) lagi, bahasa tidak berkembang dalam vakum. Bahasa merupakan sebahagian daripada kebudayaan sesuatu masyarakat dan merupakan cara yang utama ahli masyarakat itu berhubung. Bahasa itu sebuah komponen kebudayaan dan juga jaringan bagi komponen lain diungkapkan.

Perbezaan makna mengikut budaya merupakan masalah besar dalam mempelajari bahasa kedua. Sebagai alat perhubungan penting, bahasa memberi perkataan dan frasa tertentu kepada makna kebudayaan yang penting dan yang lazim.

Sebuah kamus yang lengkap mengandungi perkataan, frasa, termasuk peribahasa, nama-nama wira, cerita-cerita dan dongeng, peristiwa agung, kepercayaan dan lain-lain akan menjadi petunjuk yang baik bagi sesuatu kebudayaan. Kumpulan demikian, berserta analisa struktur sebuah kebudayaan akan merupakan kodifikasi isinya yang sempurna.

Seterusnya beliau menambah (1964 : 35-37), kita definisikan tujuan dalam pembelajaran bahasa asing sebagai kebolehan memakainya, memahami makna dan konotasinya dalam istilah bahasa dan kebudayaan sasaran dan kebolehan memahami pertuturan dan tulisan dalam kebudayaan sasaran penutur bahasa ibunda itu dalam istilah makna, idea dan kejayaannya.

Selagi bahasa asing dinilai sebagai satu cara untuk mencari jalan mengenali bahasa sastera klasik bahasa sasaran bagi tujuan pendidikan, maka wajarlah dianggap bahan klasik ini sebagai bahan kebudayaan yang diminati oleh pelajar. Istilah “kebudayaan” itu dipakai untuk bermaksud memiliki pertuturan, pengetahuan dan “adab” mereka yang mengkaji bahan klasik tersebut.

Alat perhubungan dan pengangkutan yang maju dalam kurun ke 20 ini telah membawa ramai orang bertembung dengan kebudayaan dan bahasa asing. Tujuan mempelajari bahasa pun telah berubah. Dahulu tujuannya sempit, iaitu untuk mempelajari sastera sahaja. Sekarang tujuan ini telah berkembang untuk bertembung dengan orang dari kebudayaan lain yang mempunyai sastera, seni, sains, teknologi dan bahasa sendiri.

Sebenarnya, kalau tujuan kita mempelajari bahasa asing itu untuk memahami dan mengungkapkan sesuatu dalam bahasa dan kebudayaan sasaran itu, maka kedua-dua aspek di atas adalah saling melengkapi. Sedikit pertembungan dengan sastera dan pencapaian lain dalam kebudayaan sasaran memanglah penting dalam pembelajaran bahasa.

3.4 Ciri-Ciri Bahasa Sastera

Ciri-ciri bahasa sastera sebagaimana yang diutarakan oleh Kamaruzzaman A. Kadir bahawa bahasa adalah alat untuk memindahkan pengalaman jiwa manusia. Oleh itu, penggunaan bahasa samada melalui lisan mahupun tulisan akan selamanya menuntut kejelasan dan ketepatan makna. Namun begitu, dalam sastera sebagai karya seni penggunaan bahasa tidaklah berakhir setakat itu sahaja. Penggunaannya memerlukan ketelitian pemilihan dan cara-cara penyusunannya. (Slametmuljana, 1966 : 4, dalam Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Bahasa dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jld. 33 : 10 Okt. 1988 : 720)

Menurut beliau lagi, keperluan ini sebenarnya mempunyai tujuan yang jauh lebih penting, iaitu untuk menimbulkan kesan-kesan kehalusan, kemuliaan dan kesempurnaan penggunaannya sebagai memenuhi syarat-syarat keindahan. Bertolak daripada hakikat syarat-syarat keindahan itulah maka ciri bahasa dalam bahan sastera seperti syair dan prosa lebih cenderung malah mengikut lebih banyak ‘menggambarkan dan bukan menerangkan sesuatu pengalaman jiwa pencipta atau pengarangnya’.

Ini terlaksana antara lainnya melalui penggunaan bahasa kiasan ataupun perbandingan seperti *tasyhbih*, *kināyat*, *isti ‘ārat*, *majāz* dan sebagainya. Dengan kehadiran ciri maka

keupayaan pendengar atau pembaca dapat diundang untuk menghidupkan imaginasi dan emosinya.

Ciri lain bahasa bahan sastera ialah mengutamakan ‘nilai rasa’ dan ‘nilai erti’ yang seimbang. Keseimbangan ini ialah setiap pemilihan kata-kata pembentukan ungkapan dan penyusunan berhasil membawakan pernyataan perasaan dan pemikiran yang terdapat dalam bahan tersebut. Keberhasilannya itu terletak pada ketepatan dan keserasian hubungan kedua-duanya serta terukir dalam gambaran yang penuh kehalusan.

Namun demikian, betapa pun kreatif dan imaginatifnya seniman atau pengarang itu, beliau tidaklah terdedah luas untuk melenceng jauh daripada norma-norma bahasa yang diterima pakai oleh masyarakat atau komunitinya. Jadi setiap penyimpangan yang dilakukan bukanlah secara sewenang-wenangnya sehingga ‘menderhakai’ tatabahasa tetapi penyimpangan yang masih diizinkan.

Ini kerana tatabahasa pada karya sastera tidak dilihat sebagai ‘hukum bahasa’ yang menentukan semata-mata salah atau betul tetapi lebih dilihat sebagai ‘sistem bahasa’ yang mengekalkan ketertiban. Dengan itu, ciri penyimpangan yang menimbulkan keaslian bahasa sastera akan sentiasa mencerminkan kesederhanaan serta kesopanan pembentukan dan penyusunannya.

Begitulah ciri-ciri bahasa dalam karya sastera. Kelainan-kelainan yang ditemui itu, terlaksana daripada peranan pencipta atau pengarangnya yang sentiasa menjadi penyaring, pengukir atau penciptanya. Melalui bahasa yang sebeginu rupa, pengarang menyampaikan unsur-unsur kesenangan atau kenikmatan dan kegunaan yang

berkekalan dalam bahan sastera.

Unsur-unsur tersebut terhimpun erat kerana dalam bahan sastera selain terdapatnya unsur hiburan turut terakam pengetahuan tentang misteri kehidupan dan nilai-nilai spiritual yang estetis. Semuanya ini akan menggerakkan citarasa manusia untuk memahaminya tanpa paksaan. Dengan pemahaman itu, manusia akan menjadi lebih bersopan santun dan bijaksana akal budinya. (Kamaruzzaman A. Kadir, 1988: 720. Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Bahasa dalam Jurnal Dewan Bahasa. Jld. 33: 10 Okt.)

3.5 Prinsip-Prinsip Pengajaran Bahasa

Menurut Robert Lado (1964: 65), prinsip berikut penting dan cukup untuk mendefinisikan pendekatan saintifik. Prinsip-prinsip ini boleh diubah atau dihapuskan dengan adanya fakta saintifik baru yang ditambahkan kepada ilmu pengetahuan.

Prinsip 1: Pertuturan Sebelum Tulisan

Mendengar dan bertutur diajar terlebih dahulu dan kemudiannya baru membaca dan menulis. Prinsip ini ialah dasar bagi pendekatan audio-lingual. Prinsip ini tidak bermaksud kita mengajar penguasaan audio-lingual sahaja. Ini memberi implikasi bahawa menghuraikan bahan bertulis dengan tidak mengetahui pola bahasa dalam pertuturan itu dianggap tidak sempurna, tidak lengkap dan tidak berkesan.

Prinsip 2: Ayat Asas

Pelajar dikehendaki menghafal ayat perbualan asas dengan setepat mungkin. Latihan

yang dipakai oleh ahli linguistik ini mempunyai sokongan psikologi yang tidak dibincangkan dalam eksperimen yang dicetak, tetapi sebaliknya berkali-kali diuji. Usaha yang selalu dipakai untuk menghafal dialog dalam bahasa asing membolehkan pelajar menggunakanya sebagai model dan terus belajar.

Prinsip 3: Pola Sebagai Habit

Pola dibentuk sebagai habit melalui latihan pola. Mengetahui perkataan, ayat dan rumus tatabahasa belum boleh dikatakan mengetahui sesuatu bahasa itu. Berkata mengenai bahasa itu, bukanlah mengetahui bahasa itu. Mengetahui sesuatu bahasa itu ialah memakai pola konstruksinya dengan kata-kata yang betul dalam kadar yang lazim untuk perhubungan.

Pola 4: Sistem Bunyi Untuk Dipakai

Ajarkan sistem bunyi secara struktur untuk dipakai melalui tunjukajar, ajukan, prop, kontras dan latihan. Dari pemerhatian dapat ditunjukkan bahawa mendengar model yang baik sahaja tidak menghasilkan sebutan yang baik selepas zaman kanak-kanak. Cubaan sebahagian, prop dalam bentuk panduan sebutan dan kontras minimum dengan menumpukan perhatian pada perbezaan fonemik selalunya menghasilkan tindakbalas yang sempurna. Tetapi latihan tidak boleh diketepikan untuk memperbaiki kemudahan dan kelancaran.

Prinsip 5: Perbendaharaan Kata Yang Terkawal

Semasa pelajar menguasai sistem bunyi dan pola tatabahasa maka hendaklah mereka diberi bilangan perbendaharaan kata yang minimum. Pelajar yang mencuba

menumpukan perhatian pada pembelajaran perbendaharaan kata itu walau banyak mana sekalipun belum lagi merupakan pembelajaran bahasa.

Bahagian yang paling penting untuk diguna dalam bahasa ialah sistem pola dasarnya, kontras bunyi yang penting dan deretannya. Usaha hendaklah ditumpukan pada pengajar unsur ini. Perbendaharaan kata dihadkan setakat yang perlu untuk membolehkan pola dapat dijelaskan dan bunyi serta kontrasnya ditunjukkan.

Prinsip 6: Mengajar Masalah

Masalah tertumpu pada unit-unit dan pola-pola yang berbeza dari segi struktur di antara bahasa pertama (ibunda) dan bahasa kedua (sasaran). Jurang perbezaan di antara kesukaran masalah tersebut memang lebih besar dari yang dijangka kalau dibandingkan dengan unit dan pola yang tidak menimbulkan kesukaran sebab mereka berfungsi dengan memuaskan apabila dipindahkan ke bahasa kedua. Masalah ini memerlukan kefahaman yang sedar dan banyak latihan.

Prinsip 7: Tulisan Sebagai Wakil Pertuturan

Tulisan dan bacaan hendaklah diajar sebagai suatu penggunaan lambang grafik unit-unit dan pola-pola bahasa yang diketahui oleh pelajar. Jika ujaran pertuturan standard berbeza dari lambang grafiknya maka ini disebabkan oleh kekurangan atau kepincangan pada sistem tulisannya

Prinsip 8: Pola Dipertingkatkan

Ajar pola-pola secara perlahan-lahan dan bertambah mengikut langkah yang telah dipertingkatkan. Mengajar bahasa bermaksud mengajar suatu sistem baru habit yang kompleks dan habit yang diperolehi dengan perlahan-lahan. Pemerhatian ini bersama dengan pandangan linguistik bahawa bahasa itu suatu struktur adalah dasar prinsip ini. Ada beberapa tempat yang baik dan deretan yang harus diikuti dalam mengajar struktur bahasa. Kenyataan tambahan berikut dapat membantu mentafsirkan prinsip ini.

3.6 Latar Belakang Kolej Islam Därul Ridzuan, Ipoh, Perak

Kolej Islam Därul Ridzuan merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam pertama di bawah seliaan kerajaan Negeri Perak Därul Ridzuan yang menawarkan pelbagai program peringkat Diploma, Pra Diploma dan Sijil kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan.

Ia ditubuhkan pada Jun 1999 dengan kemasukan kumpulan pertama pelajarnya seramai 43 orang. Kolej Islam Därul Ridzuan telah sempurna dirasmikan oleh D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Perak Därul Ridzuan Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni al-Marhūm Sultan Yūsop Izzuddin Ghafarallāhulah pada 16 Oktober 1999.

Kampus sementara Kolej Islam Därul Ridzuan terletak di No 9 dan 11, Jalan Dato' Seri Sha'ari off Jalan Raja Di Hilir, Ipoh yang jaraknya kira-kira 4 kilometer dari pusat bandaraya Ipoh. Kampus tetap Kolej Islam Därul Ridzuan akan dibina di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak dan dijangka siap pada tahun 2005 di atas sebidang tanah wakaf Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Shah seluas 50 ekar.

Kolej Islam Därul Ridzuan ditubuhkan demi menyediakan peluang pendidikan tinggi

kepada pelajar negeri Perak khususnya dan Malaysia amnya. Ia juga merupakan satu kesinambungan sistem pendidikan Islam yang dijalankan oleh kerajaan Negeri Perak Därul Ridzuan sebagaimana yang sepatutnya dilakukan oleh sebuah kerajaan dan sebagai pelopor pusat pengajian agama di Malaysia.

3.7 Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di Kolej Islam Därul Ridzuan,

Ipoh, Perak

3.7.1 Kursus Diploma Bahasa dan Kesusasteraan Arab

Kolej Islam Därul Ridzuan menawarkan program Diploma Bahasa dan Kesusasteraan Arab kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan. Program ini adalah satu program kerjasama antara Kolej Islam Därul Ridzuan dan Universiti al-Azhar, Mesir. Lulusan Diploma Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kolej Islam Därul Ridzuan berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke TAHUN AKHIR Universiti al-Azhar bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab . Di samping itu, mereka juga boleh memilih untuk meneruskan pengajian di Universiti of Jordan, Ammān, atau Universiti Yarmūk, Jordan

a- Tempoh Kursus

Tempoh pengajian kursus ini ialah 6 semester

b- Syarat Kemasukan

i- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan

- ii- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia
- iii- Kelulusan lain yang diperakui oleh Kolej Islam Dārul Ridzuan

3.7.2 Kursus Diploma Syarī ‘ah Islāmiyyah

Kolej Islam Dārul Ridzuan menawarkan program Diploma Syarī ‘ah Islāmiyyah kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan. Program ini adalah satu program kerjasama antara Kolej Islam Dārul Ridzuan dan Universiti al-Azhar, Mesir. Lulusan Diploma Syarī ‘ah Islāmiyyah Kolej Islam Dārul Ridzuan berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke TAHUN AKHIR Universiti al-Azhar bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda al-Syarī ‘ah wa al-Qānūn (al-Syarī ‘ah al-Islāmiyyah). Di samping itu, mereka juga boleh memilih untuk meneruskan pengajian di Universiti of Jordan, Amman atau Universiti Yarmük, Jordan

a- Tempoh Kursus

Tempoh pengajian kursus ini ialah 6 semester

b- Syarat Kemasukan

- i- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan
- ii- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia
- iii- Kelulusan lain yang diperakui oleh Kolej Islam Dārul Ridzuan

3.7.3 Kursus Diploma Usūluddin

Kolej Islam Dārul Ridzuan menawarkan program Diploma Usūluddin kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan. Program ini adalah satu program kerjasama antara Kolej Islam Dārul Ridzuan dan Universiti al-Azhar, Mesir. Lulusan Diploma Usūluddin Kolej Islam Dārul Ridzuan berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke TAHUN AKHIR Universiti al-Azhar bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Usūluddin. Di samping itu, mereka juga boleh memilih untuk meneruskan pengajian di Universiti of Jordan, Ammān atau Universiti Yarmūk, Jordan.

a- Tempoh Kursus

Tempoh pengajian kursus ini ialah 6 semester

b- Syarat Kemasukan

- i- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan
- ii- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia
- iii- Kelulusan lain yang diperakui oleh Kolej Islam Dārul Ridzuan

3.7.4 Kursus Diploma al-Syarī ‘ah wa al-Qānūn

Kolej Islam Dārul Ridzuan menawarkan program Diploma al-Syarī‘ah wa al-Qānūn kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan. Program ini adalah satu program kerjasama antara Kolej Islam Dārul Ridzuan dan Universiti al-Azhar, Mesir. Lulusan Diploma al-Syarī‘ah wa al-Qānūn Kolej Islam Dārul Ridzuan berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke TAHUN EMPAT Universiti al-Azhar bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda al-Syarī‘ah wa al-Qānūn.

a- Tempoh Kursus

Tempoh pengajian kursus ini ialah 6 semester

b- Syarat Kemasukan

i- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan

ii- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia

iii- Kelulusan lain yang diperakui oleh Kolej Islam Därul Ridzuan

3.7.5 Pra-Diploma Pengajian Islam

Disediakan bagi pelajar-pelajar yang ingin memasuki kursus pengajian Diploma Pengajian Islam tanpa menggunakan kelulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Lulusan Pra-Diploma Pengajian Islam akan ditawarkan secara automatik ke kursus Diploma Pengajian Islam mengikut kehendak dan kesesuaian pelajar.

a- Syarat Kemasukan

i- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mendapat empat (4) kepujian dalam matapelajaran berikut ;

a- Bahasa Melayu

b- Pendidikan Islam atau salah satu daripada matapelajaran berikut,

-Pendidikan Syarī ‘ah Islāmiyyah

-Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah

-Taṣawwur Islam

-Bahasa Arab Tinggi

-Bahasa Arab Komunikasi

c-Kepujian dalam dua (2) matapelajaran lain ATAU

- ii- Lulus peperiksaan Empat Thanawi dari sekolah agama rakyat negeri Perak atau setaraf dengannya dan lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

3.8 Metodologi Pengajaran Bahasa Arab

Dalam perbicaraan yang lalu, pengkaji telah menyebut antaranya pembelajaran bahasa dan tentang prinsip-prinsip pengajaran bahasa. Walaupun metodologi persempahan sesuatu pengajaran Nahw Arab kerap didengar dan dipersembahkan tetapi menggunakan syair dalam pengajaran Nahw Arab adalah suatu yang amat kurang digunakan oleh mana-mana pihak.

Ia sebenarnya bergantung kepada kemampuan seseorang pendidik untuk merealisasikan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran itu. Pengajar dan pendidik juga peminat bahasa Arab sebenarnya mampu menerapkan syair-syair Arab sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Nahw Arab juga pengukuhan bahasa pelajar-pelajar.

Di samping mempunyai nilai autentik, ia juga mampu mengimbau semula latarbelakang kehidupan penyair, mengenali sekitaran masa yang melingkungi penyair, mengenali kitaran tempat yang melingkungi penyair, faktor penyebab penyair melantunkan syair dan gelojak jiwa dan sosial yang memaksa seseorang penyair berkemampuan untuk

mengatur perkataan demi perkataan sehingga menjadi ayat seterusnya menjadi sebuah syair atau karya yang indah.

Penerapan sesuatu kaedah atau metod dalam pengajaran Nahw Arab adalah berbagai. Apa yang diperlukan ialah kemampuan sesebuah metod itu menterjemah dan menerapkan syair Arab sebagai komponen matapelajaran Nahw. Ia dikenali sebagai merentasi kurikulum.

Ia digunakan bukan sahaja untuk mengajar syair semata-mata, tetapi ia digabungkan dengan matapelajaran Nahw Arab sebagai al-syawāhid atau contoh penggunaan sesebuah pengkaedahan bahasa.

Berbagai-bagi teknik boleh digunakan untuk mengajar Nahw Arab. Teknik yang difikirkan baik oleh guru boleh dipelbagaikan dari masa ke semasa supaya pengajaran itu mencapai kesan baik yang paling maksimum.

Menurut Robert Lado (1964: 122), tiga pendekatan untuk mengajar tatabahasa. Pertama, yang paling lama dan tidak digemari lagi adalah pendekatan tatabahasa terjemahan, kedua, kaedah ajuk-hafal, dan ketiga, kaedah latih-tubi pola dan latihan pola.

Kaedah tatabahasa terjemahan itu tidaklah diajukkan. Kaedah ajuk-hafal itu diajukkan sebagai kaedah yang telah berjaya dipakai dalam mengajar sekiranya tidak ada bahan yang telah dipertingkatkan atau disediakan secara teratur melalui polanya. Kaedah latihan pola itu diakui amat berhasil apabila dilaksanakan pada peringkatnya yang sesuai.

a) Kaedah Nahu-Terjemahan (Kaedah Tatabahasa Terjemahan)

Pada akhir kurun ke 19, pembelajaran bahasa merupakan hafalan naḥw dan penggunaan kamus dengan rapi. Pelajaran ditumpukan kepada mentafsirkan golongan kata, menghafal konjugasi, tasrif dan rumus nahu dan menterjemahkan teks pilihan dengan menggunakan kamus dan perbendaharaan dwibahasa.

Dengan bertambahnya kepentingan bahasa-bahasa moden dalam perhubungan, kekurangan dalam kaedah nahu-terjemahan menjadi semakin jelas. Ramai pelajar tidak dapat memakai bahasa yang dipelajarinya setelah beberapa tahun mereka belajar. Mereka memandang sepi sahaja terhadap bahasa itu dan juga merasa gagal dalam pembelajaran bahasa secara amnya.

Kegagalan ini dapat difahami sekarang dengan mudah. Latihan menterjemah dalam bilik darjah itu telah disalahfahamkan apabila ianya dianggap sama seperti kefahaman, bertutur, membaca dan menulis iaitu kemahiran yang amat asing dan perlu dipelajari pula dalam bentuknya yang tersendiri.

Kebolehan berbincang mengenai nahu sesuatu bahasa, melafazkan rumus-rumusnya adalah amat berlainan dari kebolehan bertutur dan memahami sesuatu bahasa itu. Biasanya mereka yang boleh menggunakan bahasa itu tidak dapat melafazkan rumus nahunya dan mereka yang boleh berbuat demikian, mungkin tidak dapat menggunakan bahasa tersebut.

Memang kita boleh pertahankan bahawa terjemahan itu adalah suatu kemahiran yang amat berguna tetapi ianya tidak boleh menggantikan latihan bahasa tanpa bantuan

terjemahan. Begitu juga deskripsi nahu sesuatu bahasa itu ada gunanya pada ahli linguistik dan pelajar, tetapi ia hanya tidak boleh menggantikan pemakaian bahasa.

b) Kaedah Terus (Kaedah Ajuk-Hafal)

Sebagai suatu tindakbalas ke atas kaedah tatabahasa terjemahan maka timbulah di Eropah gerakan yang mementingkan pembelajaran bahasa melalui pertembungan terus dengan bahasa asing itu dalam lingkungan yang bermakna. Gerakan itu berjaya menghasilkan bermacam-macam kaedah yang berlainan disertai pula dengan nama-nama yang berlainan seperti kaedah baru, kaedah bentuk semula, kaedah semulajadi atau kaedah terus.

Di samping penekanan kepada pertembungan terus dengan bahasa asing itu, kaedah terus selalu mengurang atau menghapuskan terjemahan, menghafal konjugasi, tasrif atau rumus nahu. Dalam beberapa hal ia mengemukakan fonetik dan juga transkripsi fonetik.

Menurut Robert Lado lagi (1964: 122), kaedah ajuk-hafal tercipta dalam Rancangan Bahasa Intensif dari Persatuan Cendikiawan Majlis Amerika (American Council of Learned Societies). Kaedah ini dipakai oleh angkatan bersenjata Amerika Syarikat dalam masa Perang Dunia Kedua bagi mengajar bahasa kepada pegawai tentera secara intensif.

Seterusnya beliau menambah (1964: 5), kaedah terus ini terus berkembang dengan pesatnya di Eropah. Akhirnya ia sampai ke negara-negara Amerika dan negara-negara Timur. Ia tidak mendapat perhatian yang luas tetapi ia dijadikan bahagian perbincangan mengenai kaedah-kaedah yang mendorongkan Pengkajian Bahasa-Bahasa Moden

Asing.

Kaedah terus dapat mengatasi dua kesalahan besar kaedah nahu-terjemahan dengan menggantikan penghafalan nahu dengan pertembungan bahasa dan menggantikan terjemahan dengan pemakaian bahasa. Idea yang pesat kaedah terus ini ialah asosiasi perkataan dan ayat dengan maknanya melalui tunjukcara, lakonan, tunjukan dan lain-lain.

Pandangan ini hanyalah sah setakat mana makna dapat dilakonkan. Dalam menambah dan menyesuaikan kaedah terus ini untuk bermacam-macam rupa murid dan lingkungan maka kaedah terus ini semakin berkembang dan berubah. Jespersen menggunakan bacaan pilihan untuk mengemukakan isi mata pelajaran.

Palmer telah mencipta beberapa jenis latihubi lisan yang mendahului latihan pola. Apabila kaedah terus ini digunakan oleh guru yang cekap maka seluruh darjah akan berjaya manakala kaedah nahu-terjemahan hanya memberi kejayaan kepada pelajar yang amat bijak sahaja.

Walaupun kaedah terus masih luas dilaksanakan pada hari ini tetapi pengikut-pengikutnya di Amerika Syarikat sejak 1930-an telah berpaling kepada tujuan yang terhad untuk mendapatkan kemahiran membaca kerana kegagalan untuk mendapatkan hasil yang muktamad disebabkan beberapa faktor.

Ini ialah hanya memahami bahan bacaan yang sudah dipertingkatkan dengan bantuan kamus untuk mengetahui makna perkataan-perkataan yang sukar. Kebolehan membaca adalah tidak mencukupi sebagai langkah pertama untuk mempelajari bahasa ataupun

untuk memperolehi kemahiran membaca.

Ini terbukti dengan jelas dalam Perang Dunia Kedua apabila diperlukan orang-orang yang mahir bertutur bahasa asing. Pelajar yang diajar hanya untuk membaca akan mengalami kesalahan sebutan disebabkan oleh ejaan. Mereka tidak akan dapat membebaskan diri dari idea yang menyeleweng yang menganggap bahawa sebutan itu tidak tepat mewakili bentuk tulisan yang dikatakan betul itu.

Sebenarnya, tulisanlah yang merupakan perlambangan yang tidak tepat dalam melambangkan pertuturan. Membaca itu selalu tidak berkesan kerana membaca tidak bergerak menguasai seluruh bahasa itu. Kaedah terus menganggap pembelajaran sesuatu bahasa asing itu sama dengan pembelajaran bahasa ibunda.

Ini bermaksud bahawa pelajar akan terus didedahkan kepada bahasa asing itu supaya terukir kesan yang sempurna pada pelajar itu. Hal ini benar untuk sebahagiannya sahaja kerana pembelajaran bahasa itu berbeza dari pembelajaran bahasa pertama. Kanak-kanak terpaksa mempelajari bahasa pertamanya kerana ia tidak mempunyai cara lain untuk menyatakan kehendaknya.

Paksaan ini wujud dalam mempelajari bahasa kedua sebab pelajar itu sedar bahawa dia boleh berhubung dengan menggunakan bahasa pertamanya jika perlu. Lagi pula dalam hal bahasa pertama otak kanak-kanak itu bolehlah difikirkan sebagai *tabula rasa* di mana sesuatu pola boleh diajarkan. Tetapi dalam hal pembelajaran bahasa kedua, pola-pola bahasa pertama sudah sedia wujud dan bahasa kedua itu difahami melalui habit bahasa asli penutur.

c) Pendekatan Linguistik (Kaedah Latihan Pola)

Ahli linguistik hanya mempercayai peniruan dan penghafalan ayat-ayat dasar dalam perbualan seperti yang dituturkan oleh penutur asal bahasa itu. Mereka menyiapkan deskripsi unsur-unsur pembeza dalam antonasi, sebutan, morfologi, sintaksis yang membentuk struktur bahasa itu.

Perkara-perkara inilah yang timbul perlahan-lahan semasa seseorang menguasai ayat-ayat dasar dan variasinya. Dengan itu, kepercayaan yang kuat mengenai latih-tubi pola pun dibentuk. Ini merupakan latihan yang dijalankan dengan sengaja untuk membentuk pola-pola sebagai habit dan tidak dari ayat-ayat berasingan, lebih-lebih lagi apabila pemindahannya dari bahasa asli penutur itu menimbulkan masalah.

Selepas peperangan, penggunaan pita perakam dan alat audio lain membolehkan modal sebutan yang asli diadakan untuk latihan di rumah dalam mendengar dan bertutur. Perkara ini digabungkan dengan kajian contrastif di antara bahasa matlamat dengan bahasa asli penutur yang dikarang guru-guru bahasa telah dapat mempertinggikan lagi kesan pendekatan linguistik.

Dengan adanya variasi yang jelas di kalangan pengarang dan juga golongan-golongan tertentu, maka kaedah dan bahan yang hendak dikemaskini pada hari ini mengandungi;

- i-ayat-ayat dasar dalam perbualan untuk dihafal
- ii-nota-nota mengenai struktur bahasa untuk membantu pelajar memahami dan menerbitkan aliran ucapan dan pola-pola ayat bahasa ssing itu
- iii-latih-tubi pola bertujuan menjadikan pola-pola itu sebagai habit

iv-bahan makmal untuk latihan lisan aural di luar bilik darjah

v-peluang menggunakan bahasa dalam perhubungan dan bukan dalam terjemahan.

Dr. Muhammed ‘Ali al-Khūlī (1982: 25-26) menyatakan, wujudnya pendekatan keempat yang dinamakan “al-Tariqat al-Intiqāyyah”. Pelopor aliran ini, mengakui kelebihan ketiga-tiga pendekatan pengajaran bahasa yang tersebut, iaitu kaedah nahu-terjemahan, kaedah terus dan kaedah linguistik ini dan kemampuan ketiga-tiga kaedah atau pendekatan ini memainkan peranan dalam pengajaran bahasa asing.

Golongan ini juga menyatakan bahawa tiada mana-mana golongan atau aliran yang boleh mendabik dada mempertahankan kekuatan dan penguasaan aliran mereka ke atas aliran yang lain. Setiap aliran mempunyai kekuatan dan kelemahan juga mempunyai hujah-hujah untuk mempertahankan pandangan aliran masing-masing.

Seterusnya beliau menambah, aliran ini juga mempercayai bahawa ketiga-tiga aliran yang telah dinyatakan di atas adalah saling sokong menyokong antara satu sama lain. Malah ketiga-tiga aliran tersebut juga, dilihat tidak bertentangan dan meruntuhkan antara satu sama lain.

Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa tidak ada metodologi yang unggul dalam mencapai semua objektif, pelajar, guru dan proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, perkara terpenting yang perlu diraikan adalah pemerhatian yang berpusat kepada pelajar dan keperluan mereka dan bukan kesetiaan membuat tuli kepada mana-mana metodologi.

Seterusnya Dr. Muhamad ‘Alī al-Khūlī menambah (1982: 26), guru perlu mempunyai jati diri yang kuat bahawa mereka bebas menggunakan mana-mana metod yang sesuai dengan keperluan pelajar tanpa terikat dengan mana-mana metod pengajaran bahasa. Guru boleh memilih mana-mana metod pengajaran yang difikirkan sesuai dengan pelajar dan situasi pengajaran dan pembelajaran.

3.9 Penggunaan Sastera Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Di dalam Bab Satu, pengkaji menjelaskan di dalam 1.3 iaitu Bidang dan Batas Kajian bahawa kajian pengkaji hanya menjurus kepada bidang syair semata. Manakala batasan kajian pula tertumpu kepada penggunaan syair Arab dalam pengajaran al-Nahw bahasa Arab kepada pelajar-pelajar Semester Satu, Tahun 1, Kursus Diploma Bahasa dan Kesusastraan Arab , Pusat Pengajian Islam, Kolej Islam Dārul Ridzuan, Ipoh, Perak.

Sebelum ini, pengkaji telah menerangkan tentang latar belakang kolej tersebut secara sepintas lalu di dalam cetusan 3.6.

3.10 Penggunaan Syair Arab Dalam Pengajaran Nahu Arab

Pemula bicara, pengkaji akan menerangkan tentang penggunaan syair Arab dalam pengajaran nahu Arab . Perbicaraan akan bermula dengan menerangkan tentang latar belakang penyair al-Mutanabbiy, tema syair al-Ḥummā dan kesimpulan syair tersebut.

3.10.1 Latar belakang Penyair al-Mutanabbiy

Nama penuhnya adalah Abū Ṭayyib Aḥmad bin Ḥusayn al-Mutanabbiy. Keluarganya

berketurunan Arab Yaman. Beliau dilahirkan di Kūfah pada 303H. Beliau mempelajari bahasa Arab daripada Arab Badwi sejak kecil. Kekuatan hafalannya sungguh luarbiasa sehingga dapat menghafal apa sahaja yang didengarinya.

Namun, hobinya suka mencari kedudukan dan tempat baru, suka mendampingi pembesar dan sering menggunakan syairnya untuk tujuan itu tadi, maka beliau menjadi tempat manusia meletakkan hasad dengki mereka.

Beliau difitnah oleh kabilah Banī Kilāb yang mengadu kepada Gabenor Ḥimaṣ (satu kawasan di dalam sempadan geografi Syria kini) yang beliau mengaku menjadi Nabi kerana pandai bersyair. Beliau telah dipenjara selama beberapa tahun dan oleh kerana itu juga beliau mendapat gelaran al-Mutanabbiy.

